

# EZENIDE LOTION

Desonide (0.05% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ezenide Lotion
2. Bagaimana Ezenide Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ezenide Lotion
4. Cara menggunakan Ezenide Lotion
5. Semasa menggunakan Ezenide Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ezenide Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Ezenide Lotion. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

**Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, sila bertanya dengan ahli farmasi atau doktor anda.**

**Simpan risalah ini bersama ubat.**  
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Ezenide Lotion

Ezenide Lotion digunakan untuk merawat penyakit kulit yang menunjukkan ciri radang/inflamasi dan kegatalan yang bertindak balas terhadap kortikosteroid.

## Bagaimana Ezenide Lotion berfungsi

Ezenide Lotion mengandungi ubat yang dipanggil desonide. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil steroid. Desonide ialah kortikosteroid tidak berfluorin yang aktif secara topikal yang mempunyai tindakan

anti-inflamatori, anti kegatalan dan mengecutkan saluran darah.

## Sebelum menggunakan Ezenide Lotion

- Bila tidak boleh mengambil

## Jangan gunakan Ezenide Lotion:

Jika anda alah (hipersensitif) terhadap desonide, kortikosteroid lain atau apa-apa komponen bahan dasar daripada Ezenide Lotion.

- Sebelum menggunakan Ezenide Lotion

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

Jika anda ingin menyapukan Ezenide Lotion di bahagian kulit yang tertutup seperti dibalut dengan kain, termasuk napkin bayi. Keadaan kedap udara akan menyebabkan bahan aktif ubat ini lebih mudah diserap melalui kulit. Akibatnya, mungkin secara tidak sengaja anda akan menggunakan Ezenide Lotion dengan terlalu banyak.

## Kehamilan dan menyusuan badan:

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

Keselamatan menggunakan Ezenide Lotion semasa hamil atau menyusu badan masih belum disahkan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan Ezenide Lotion

Sentiasa gunakan Ezenide Lotion seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan yang nipis pada bahagian kulit yang terjejas atau sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sapukan 2 hingga 3 kali sehari pada bahagian kulit yang terjejas atau sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor anda untuk tempoh menggunakan ubat ini, atau sekiranya anda mengalami gejala-gejala lain.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan Ezenide Lotion, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya, kemudian sambung penggunaan seperti sebelumnya.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Sekiranya terjadi penindasan kelenjar adrenal, penggunaan ubat ini harus dihentikan, kekerapan penggunaan dikurangkan ataugunakan steroid yang kurang kuat. Kortikosteroid sistemik tambahan boleh digunakan jika gejala sarak (*withdrawal symptoms*) steroid terjadi.

## Semasa menggunakan Ezenide Lotion

### - Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan Ezenide Lotion.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku rengsaan atau kepekaan. Kortikosteroid yang disapu pada kulit boleh diserap dengan mencukupi untuk menghasilkan kesan sistemik seperti penindasan kelenjar adrenal, manifestasi daripada *Cushing's syndrome*, paras gula dalam darah yang tinggi dan gula dijumpai dalam air kencing. Dengan itu langkah berwaspada yang sesuai perlu diambil semasa mengenakan rawatan yang perpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan secara meluas, apabila menggunakan teknik oklusif dan apabila merawat kanak-kanak (disebabkan jumlah luas permukaan per berat badan yang besar).

## Kesan-sesan sampingan

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Ezenide Lotion berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Seperti ubat-ubat yang lain, Ezenide Lotion boleh mendatangkan kesan sampingan tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

Tindak balas advers tempatan yang dilaporkan ialah rasa pedih, rasa gatal-gatal, perengsaan, kekeringan, keradangan folikel rambut, pertumbuhan bulu berlebihan, jerawat, pencerahan kulit, kulit lebih senang pecah, jangkitan sekunder,

penipisan kulit, tanda regangan pada kulit dan ruam panas.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Ezenide Lotion

### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Untuk kegunaan luaran sahaja. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

### - Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna Ezenide Lotion

Ezenide Lotion adalah losyen pekat yang berwarna putih kekuningan legap dengan bau tertentu.

Ezenide Lotion boleh didapati dalam botol yang bersaiz 30ml.

### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Desonide 0.05% w/w

Bahan-bahan tidak aktif:  
Cetostearyl Alcohol, Macrogol 400, Disodium Hydrogen Phosphate Dihydrate, Citric Acid, Polysorbate 60, Xanthan Gum, Sorbitan Monostearate, Sodium Benzoate, Squalane, Propyl Gallate, Saccharide Isomerate, Purified Water.

### - Nombor MAL

MAL10070557A

## Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

17/11/2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)161115/00427